

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

HKN 403 Seminar dalam Kesusasteraan Nusantara I:  
Aspek-Aspek Teori dan Kritikan

---

Masa: [3 jam]

---

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LAPAN (8) soalan dalam TIGA (3) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan, DUA (2) soalan daripada setiap Bahagian A dan B. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

**BAHAGIAN A - Jawab DUA (2) soalan**

1. "*Orientalist reality is both anti-human and persistent*" (Edward Said) [Realiti Orientalis itu bersifat anti-kemanusiaan dan tegar.]

Berdasarkan pernyataan di atas, bicarakan tradisi orientalis sebagai pusat kewibawaan di Tanah Melayu di dalam kurun-kurun ke-19 dan awal ke-20. Apakah kesan retorika orientalis ke atas hasil-hasil kesusasteraan Melayu tradisional?

2. Fenomena perulangan bahan-bahan khazanah budaya (*cultural repertoir*) merupakan penghalang utama kepada penghayatan yang positif terhadap teks-teks Melayu tradisional. Bicarakan kepentingan fenomena ini di dalam sastera Melayu tradisional dengan melihatnya sebagai:

- [a] kaedah penciptaan lisan (Sweeney/Lord)
- [b] sumber makna dan kebenaran (Maier)
- [c] perlanjutan dan pengekaln tradisi melalui bahasa (Errington).

.../2

3. V. Propp dan A. Bausani telah berjaya memberi pendekatan struktural ke atas sastera Melayu tradisional (Genre penglipur lara). Bicarakan perbezaan kedua pendekatan tersebut dan perlihatkan kelemahan-kelemahannya dengan merujuk kepada beberapa ciri penting sastera Melayu tradisional yang tidak tergarap oleh teori-teori tersebut.
4. Sastera Sejarah adalah sebuah genre yang kabur (*ambiguous*) kerana sifatnya yang bertimbal-balik di antara kesejarahan dan kesasteraan (*referentiality* dan *non-referentiality*). Dengan memandangkan bahawa di dalam tradisi Melayu "rujukan sejarah" adalah tertakluk kepada pola dan bentuk kesasteraan (Maier dan Teeuw), apakah kaedah pembacaan yang paling berkesan untuk mewajarkan sifatnya?

**BAHAGIAN B - Jawab DUA (2) soalan**

5. Sistem sastera tradisional dicirikan oleh "estetika persamaan" di mana nilai seni amat terikat kepada konvensi. Sebaliknya, sastera moden menegaskan "defamiliarisasi" dan penyimpangan daripada konvensi. Bincangkan kedua situasi tersebut dengan menghubungkannya dengan:
  - [a] khalayak sastera
  - [b] cara penyampaian
6. Kecenderungan untuk berwaspada terhadap teori-teori moden Barat menyarankan ketidaksesuaiannya dengan sistem sastera Nusantara. Bincangkan persoalan ini dengan merujuk kepada pandangan Subagio Sastrowardoyo dan Umar Junus. Bicarakan masalah-masalah dan saranan-saranan bagi membentuk poetika Melayu/Indonesia yang mandiri.
7. Mengikut Henri Peyre fungsi kritikan ialah "*...to enhance the public interest in contemporary art and letters, to help it understand or enjoy it, to refine its taste, and to stimulate its potential passion for beauty*" (untuk mempertingkatkan minat masyarakat terhadap seni dan persuratan, membantu mereka memahami dan menghayatinya, mempertajamkan citarasa dan merangsang potensi keghairahan mereka terhadap keindahan).

Apakah saranan-saranan Muhammad Hj. Salleh untuk mengkonkritkan kritikan sastera bagi memenuhi fungsi tersebut?

8. Jelaskan perbezaan di antara "*sensate art*" (seni deriaan) dan "*Ideational art*" (seni pemakna {Sorokin}). Bincangkan hubungan keduanya dengan konsep estetika Melayu tradisional dan Islam.

-ooo000ooo-